

Kubang Pasu tubuh j-kuasa awasi pelaksanaan projek2

JITRA, Selasa — Sebuah jawatankuasa petugas bagi memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan di kawasan pilihanraya Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed — Daerah Kubang Pasu — telah ditubuhkan.

Jawatankuasa tersebut yang mengadakan mesyuarat setiap dua minggu dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Encik Jamil Jamaluddin.

Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tunjang Haji Hanafi Ramli memberitahu hari ini matlamat utama jawatankuasa itu ialah memastikan setiap projek pembangunan berja-

lan dengan lancar dan sempurna.

Haji Hanafi yang juga Ketua Pemuda UMNO Kedah berkata, jawatankuasa itu akan mengikuti kemajuan setiap projek pembangunan untuk menjamin prestasinya.

Katanya, projek-projek yang telah dijalankan juga akan diawasi bagi

menentukan ia benar-benar memberi faedah kepada rakyat dan jika perlu ditambah kemudahan-kemudahan yang dikehendaki.

Haji Hanafi berkata penduduk Kubang Pasu sangat bertuah kerana wakil rakyat mereka kini menjadi Perdana Menteri. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia